

Kebenaran rentas negeri beri kesan limpahan, lonjak KDNK

Sememangnya resam kita sebagai manusia perlu berinteraksi dan berhubung yang akan mengikat tali silaturahmi. Namun, situasi pandemik COVID-19 merencatkan norma ini.

Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh menghalang pergerakan rakyat yang tujuannya adalah untuk mengekang penularan wabak ini. Justeru, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Ahad lalu amat dinanti-nantikan seluruh masyarakat.

Malah, pengumuman secara langsung itu juga mungkin suatu manis untuk dikenang sepanjang hayat.

Dari sudut ekonomi pula, kebenaran merentas negeri menjadi titik tolak penting, terutama dalam konteks untuk merencana pemulihan ekonomi lebih mampan. Apabila rakyat mula keluar dan merentasi sempadan negeri, akan berlakulah transaksi perniagaan di sepanjang perjalanan itu.

Sudah pasti pelbagai jenis perniagaan termasuk gerai, restoran dan kedai serbaneka akan mendapat manfaat hasil kebenaran merentas negeri ini.

Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah perbelanjaan pelancongan domestik pada tahun lalu merudum ke paras RM40.4 bilion berbanding nilai direkodkan pada 2019, iaitu RM103.2 bilion. Perangkaan ini mewakili kejatuhan sebanyak 61 peratus. Perbelanjaan merudum jelas menunjukkan situasi pandemik COVID-19 merencatkan industri pelancongan negara.

Namun, jika melihat data ini daripada 2013 hingga 2019, perbelanjaan pelancongan domestik mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 13.8 peratus. Sekiranya kita mengguna pakai kadar pertumbuhan ini bagi menjangkakan perbelanjaan pada tahun depan, angkanya dijangka mencapai RM133.7 bilion.

Namun, ini hanyalah anggaran yang dikira optimistik kerana kita mengandaikan situasi semasa akan kembali normal seperti sedia kala. Mungkin angka lebih realistik adalah separuh daripada jangkaan berkenaan, iaitu sekitar RM60 bilion hingga RM70 bilion.

Jika kita melihat pula komposisi perbelanjaan pelancongan domestik, perbelanjaan pelawat mewakili 89.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pada 2019. Kita mengambil tahun itu sebagai rujukan kerana ia juga tempoh prapandemik yang boleh dijadikan sandaran bagi menganggar apabila ekonomi mula pulih.

Daripada nisbah itu, pelawat banyak berbelanja bagi tujuan membeli-belah, membeli bahan api kenderaan dan makanan serta minuman dengan nisbah dicatatkan adalah 37.8 peratus; 15

peratus dan 14.3 peratus. Selebihnya pula perbelanjaan bagi penginapan dan pengangkutan, iaitu 8.4 peratus dan 6.2 peratus.

Isi rumah dilawati juga berbelanja disebabkan mereka ini menerima tetamu. Perbelanjaan seperti ini mewakili 10.2 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pelancongan domestik, iaitu bersamaan RM10.5 bilion pada 2019.

Berdasarkan angka ini jelas bahawa kebenaran untuk merentas negeri merancakkan ekonomi negara apabila mula berbelanja.

Sudah tentu ia akan memberi kesan limpahan kepada sektor berkaitan yang akhirnya akan melonjakkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). KDNK negara bakal dicatatkan bagi 2022 adalah dianggarkan 5.3 peratus berbanding jangkaan pada tahun ini, iaitu 4.2 peratus.

Sehubungan itu, kita sebagai rakyat seharusnya mengambil iktibar daripada episod COVID-19 yang kesannya kepada ekonomi begitu besar. Kita seharusnya mencari jalan untuk memajukan diri kita, bukannya berpuas hati dengan apa yang kita ada kerana kita tidak pasti apakah bentuk cabaran akan datang yang boleh merubah nasib kita.

Bagi yang masih lagi terkesan, teruskan mencari peluang dan bertanyakan kepada pihak berwajib berkenaan pakej bantuan yang ada bagi meneruskan kelangsungan hidup.

Akhir sekali, janganlah kita alpa mengenai prosedur operasi standard (SOP) serta kawalan sendiri bagi memastikan risiko penularan wabak kekal rendah.

Ketua Penganalisis Ekonomi, Bank Islam Malaysia Berhad

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/10/875571/kebenaran-rentas-negeri-beri-kesan-limpahan-lonjak-kdnk>